

Cungkil Bakat Pelajar Melalui Bidang Kulineri



Labuan- Tema masakan 2017 iaitu **MENU SIHAT “ SAJIAN SIHAT KLASIK MALAYSIA”**

Pertandingan Memasak Sekolah-Sekolah Menengah Peringkat Negeri W.P. Labuan 2017 dengan kerjasama KPM Dan Tajaan Nestle Products Sdn Bhd telah diadakan pada 12 Ogos 2017 yang bertempat di Pusat Ko Kurikulum Negeri.

Program ini telah dirasmikan oleh Encik Raisin bin Saidin, Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan.

Dalam ucapan tersebut Encik Raisin Saidin menyatakan bahawa :

Matlamat utama pertandingan ini diharapkan dapat melahirkan generasi muda yang berbakat di dalam bidang

kulinari. Program ini juga adalah program tahunan kementerian di mana satu usaha dalam mencungkil bakat pelajar dalam bidang masakan di samping membantu meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang berkenaan. Pada masa kini, mempunyai kemahiran memasak memberi keuntungan yang lumayan kepada individu maka sebaiknya pada usia remaja ini, kemahiran memasak perlulah didedahkan dengan menggunakan kreativiti sedia ada.



Encik Raisin Saidin bersama kumpulan pelajar yang bertanding

Pencapaian anak-anak murid kita di Peringkat Kebangsaan juga amat membanggakan di mana pada tahun 2002 SM St Anne telah mendapat Johan, Tahun 2006 SMK Labuan mendapat tempat ke tiga, 2010 SMK Pantai Naib Johan dan 2012 sekali lagi SMK Pantai menjadi Johan.

Pertandingan Memasak Sekolah Menengah Maggi, yang disokong oleh Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri, telah memberi peluang kepada beribu-ribu murid sekolah untuk menyertai pertandingan memasak di negeri dan kebangsaan, diharap akan terus berbuat

demikian pada masa mendatang. Sepertimana yang diuar-
uarkan dalam **Anjakan ke-10 Memaksimumkan Keberhasilan
Murid Bagi Setiap Ringgit ”**



Johan memasak – SMK Pantai

**KEPUTUSAN RASMI PERTANDINGAN MEMASAK SEKOLAH-SEKOLAH
MENENGAH PERINGKAT NEGERI 2017**

JOHAN : SMK PANTAI
NAIB JOHAN : SMK LABUAN
KETIGA : SMK MUTIARA



Sumber berita : Encik Asmawi bin Ahmad

**Sijil Pengiktirafan
International
Baccalaureate (IB) World
School-Middle Years
Programme (MYP-IB)**



Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak mengumumkan sembilan sekolah menengah di negara ini berjaya memperoleh sijil pengiktirafan International Baccalaureate (IB) World School-middle Years Programme (MYPIB). Labuan harus berbangga kerana salah sebuah sekolah tersebut ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Pantai, Wilayah Persekutuan Labuan.

Majlis berlangsung pada 19 Julai 2017 bersempena program Cultivating A Thinking Culture – A Show Case bertempat di Jabatan Perdana Menteri.

Di bawah pensijilan IB World School sembilan sekolah berkenaan menjadi sebahagian daripada 1,424 sekolah di seluruh dunia yang berpeluang mengikuti model pembelajaran dengan pendekatan MYPIB ke arah menjadikan mereka berfikiran kreatif dan kritis.

Setinggi-tinggi tahniah kepada seluruh warga SMK Pantai IBWS dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan.

Sumber Berita : Sahar bin Misron

Pertandingan Kalam Jamaie Sekolah-Sekolah KPM Peringkat Negeri W.P. Labuan 2017



Labuan – Pertandingan Kalam Jamaie Sekolah-Sekolah KPM Peringkat Negeri W.P. Labuan 2017 telah diadakan pada 3 Ogos 2017 dan bertempat di Dewan Sri Kedayan, SK Sungai Lada. Kalam Jamaie dituturkan dalam Bahasa Arab yang menitikberatkan aspek sebutan arab yang tepat, jelas dan faseh disamping melihat aspek persembahan dari segi

keharmonian gaya peserta.



Keputusan :

Johan : SK Sungai Bedaun

Naib Johan : SK Pantai

Ketiga : SK Bebuloh.

Tema “Al Quran Asas Pembinaan Ilmu Dan Penyempurnaan Akhlak”

Objektif:

1. Memartabatkan Bahasa Arab & kesenian Islam
2. Memupuk minat pelajar dalam Bahasa Arab.
3. Memperkembangkan bakat murid melalui penglibatan mereka dlm setiap pertandingan



Program Outreach Siri 2 Tahun 2017



Labuan – Kementerian Kesihatan Malaysia menerusi Hospital Labuan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan WP Labuan telah melaksanakan Program Outreach Siri 2 Tahun 2017 pada 26 Julai 2017. Program ini adalah bertujuan untuk membuat pemeriksaan dan pengesanan murid yang berkemungkinan bermasalah pembelajaran.



Seramai 21 orang murid telah terlibat pada program ini. Murid hadir ke Klinik Pakar 1, Hospital Nukleus Labuan seawal jam 8.00 pagi bersama-sama ibu bapa/penjaga serta Guru Pemulihan/ Guru Kelas murid tersebut untuk membuat pemeriksaan bersama pegawai perubatan. Program ini juga melibatkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) WP Labuan untuk memudahkan proses menyediakan Kad Orang Kurang Upaya (OKU).

Hasil daripada pemeriksaan bersama pegawai perubatan, seramai 15 orang murid telah disahkan sebagai Murid Berkeperluan Khas (MBK). MBK ini akan ditempatkan ke Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) bagi membantu murid mendapat tahap pembelajaran yang bersesuaian dengan mereka.

Jabatan Pendidikan WP Labuan berbesar hati mengucapkan ribuan terima kasih kepada kumpulan Pegawai Perubatan Hospital Labuan yang diketuai oleh Dr Ng Boon Seng kerana

sudi membantu dalam menjayakan program ini. Semoga kerjasama ini akan diteruskan pada masa akan datang demi membantu murid-murid yang bermasalah pembelajaran.



Memartabatkan Kepimpinan Pendidikan di Semua Peringkat bagi Memastikan Kemenjadian Murid



Labuan – Perhimpunan bulanan bagi bulan Julai 2017 telah diadakan pada 25 Julai 2017 yang bertempat di Bilik Benua, Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Labuan (BTPN).

Perhimpunan kali ini telah dikelolakan oleh Sektor Pengurusan Maklumat, Sektor Jaminan Kualiti, dan Sektor Psikologi dan Kaunseling.

Dalam perutusan Pengarah Pendidikan, Encik Raisin Saidin mengucapkan tahniah, syabas dan terima kasih kepada semua ketua sektor, KPP BTPN, pegawai jabatan, Pengetua Guru Besar atas kejayaan pelaksanaan semua program Sektor, BTPN dan Sekolah.

Beliau menzahirkan rasa syukur di atas kejayaan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan di atas pencapaian cemerlang dalam Penarafan Kecemerlangan PPD dengan mendapat 4 bintang.

Begitu juga pencapaian Cemerlang dalam pensijilan

Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) daripada agensi MAMPU.

Banyak kejayaan yang telah dicapai oleh pihak jabatan dan sekolah samada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Antara kejayaan yang dicapai dalam bulan Jun dan Julai adalah seperti :

1. Anugerah Emas oleh SISC + dan SMS Labuan dalam Pertandingan inovasi dan pameran Blue Ocean Strategy peringkat kebangsaan, 3-4 Julai 2017, IPG Kampus Darulaman Kedah.
2. Pengiktirafan Kerajaan Malaysia SMK Pantai sebagai IB World School Peringkat Antarabangsa.
3. [Anugerah Silver B : The 15th Malaysian Choral Eisteddfod 2017 National Choir Competition oleh SMK Labuan.](#)
4. [Tempat Ketiga : Pertandingan Bahas Bahasa Melayu Ala Parlimen Antara Sekolah-Sekolah Menengah Peringkat Kebangsaan 2017 oleh SMK Lajau](#)
5. [SMK Labuan meraih pingat gangsa dalam pertandingan Kebangsaan ;National Wind Orchestra Festival 2017.](#)



Majlis Pelancaran Program Lencana “Rakan 6 Bidang”
Anjuran Kelab Pendidikan Labuan

Tema perhimpunan bulanan bagi bulan Julai 2017 adalah ‘
Memartabatkan Kepimpinan Pendidikan di Semua Peringkat

bagi Memastikan Kemenjadian Murid’.

Encik Raisin Saidin berkata, prasyarat untuk menjadi pemimpin cemerlang perlu mempunyai kekuatan peribadi, kekuatan pengetahuan dan kekuatan peranan.



Majlis sambutan hari jadi kepada warga pendidikan turut diadakan

**Majlis Hari Raya AidilFitri
dan Jalinan Titian Kasih
JPWPL disambut Meriah**



24 Julai – Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Jalinan Titian Kasih Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan 2017 yang berlangsung di Dewan Sri Kedayan, SK Sungai Lada bermula jam 12.00 tengahari sehingga 4.00 petang berlangsung meriah dengan dikunjungi hampir 500 orang tetamu.

Pengarah Pendidikan WP Labuan, Encik Raisin Saidin menzahirkan rasa syukur dan mengucapkan terima kasih kepada semua warga pendidikan serta tetamu yang hadir bagi menjayakan majlis Sambutan Hari Raya tahun ini.

Majlis bertujuan untuk meraikan sambutan Hari Raya Aidil Fitri disamping dapat menjalinkan hubungan silatullahim yang lebih erat di kalangan warga pendidikan.

Antara jemputan yang hadir memeriahkan majlis ialah Dato' Sri Haji Mohd Alias Haji Abd Rahman dan isteri, Ketua-Ketua Jabatan Agensi Kerajaan WP Labuan, Pengetua dan Guru Besar, Ketua-Ketua Kampung dan warga pendidikan.



Tetamu jemputan yang hadir Dato' Sri Haji Mohd Alias Haji Abd Rahman dan isteri bersama En Raisin Saidin dan Ketua-ketua Sektor

Pelbagai aktiviti yang telah dianjurkan sepanjang majlis sambutan itu berlangsung yang dikelolakan oleh Ahli Kelab Kebajikan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan. Antaranya ialah :

1. Pertandingan membuat kad raya
2. Pertandingan selfie raya kreatif
3. Pertandingan wefie raya kreatif
4. Pertandingan ucapan raya yang paling menarik
5. Pertandingan makan biskut raya terpantas
6. Pertandingan baju raya sedondon
7. Pertandingan pantun dua kerat raya
8. Pertandingan gerai yang tercantik



Gambar Kenangan Kumpulan Pengetua Guru Besar (PGB) bersama Encik Raisin Saidin

Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan Sambutan Hari Raya AidilFitri dan Jalinan Titian Kasih Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan dengan sungguh meriah pada kali ini.



Ahli Kelab Kebajikan Pendidikan Labuan

Pertandingan Bahas Bahasa Inggeris Ala Parlimen Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan



21 Julai – SMK Labuan dinobatkan sebagai juara dalam Pertandingan Bahas Bahasa Inggeris Ala Parlimen Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan yang berlangsung pada 18hb-20hb Julai 2017.

SMK Labuan yang diwakili oleh Marvin Hing Majin, Nigel Llaleta Goh, Louis Ker Wei Zhun dan Richard Ian Tanakinjal berjaya membawa pulang piala dan sijil penyertaan.

Pada peringkat akhir, pasukan yang dibimbing oleh Puan Nasthashia Masiri @ Masrih dan Puan Norah Tan itu berjaya menewaskan SMK Mutiara dengan tajuk perbahasan 'This house Prefers a world with a common and only one language'.

Melengkapkan kejayaan manis sekolah tersebut apabila pembahasnya, adik Nigel Llaleta Goh sebagai pembahas terbaik. Kejayaan itu membolehkan SMK Labuan mewakili WP Labuan dalam pertandingan bahas peringkat kebangsaan 2017.

Hadiah kepada pemenang telah disampaikan oleh Encik Mohd Al Ghaffar Maidin, Ketua Unit Pusat Kokurikulum JPWPL.

Hadir sama Encik Subari Dwar Ketua Unit Kokurikulum dan Encik Yusup Mohamad Pengetua SMK Lajau.

Pengetua SMK Labuan melahirkan perasaan sangat gembira dengan kegigihan yang ditunjukkan oleh pelajar-pelajarnya dan dibantu oleh semua guru Bahasa Inggeris sekolah sehingga membuahkan hasil kejayaan yang cukup bermakna. Beliau mengharapkan agar pasukan muda ini mendapat pendedahan di peringkat kebangsaan dan berusaha membuat yang terbaik untuk mengharumkan nama SMK Labuan dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Pertandingan Bahas Bahasa Inggeris Ala Parlimen ini, memperkenalkan satu format perbahasan yang menarik dan mencabar kepada murid-murid sesuai dengan institusi persekolahan sebagai pusat kecemerlangan. Selain, melahirkan bakal pemimpin yang berani, berfikiran tajam serta mempunyai kemahiran berhujah secara spontan dengan idea yang bernas dan teratur.



SMK Taman Perumahan Bedaun Johan Pertandingan KIK



Kumpulan Sejiwa SMK Taman Perumahan Bedaun mengungguli Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan 2017.

Kumpulan Sejiwa diwakili Juraidah Aman, Suzaina Chee, Suridah Sabran, Suraya Abdul Rahman, Nur Ashikin Ismahun, Ahmad Fitry Ismail, Ivan Lai dan Gabriel Chin Vui Wen.

Pasukan itu membentangkan tajuk 'Kesukaran mengumpul data disiplin bagi rujukan pentadbir dan unit disiplin untuk membuat tindakan'.

Dengan kejayaan itu, kumpulan itu membawa pulang sijil kemenangan seterusnya akan mewakili Labuan ke Konvensyen KIK Kementerian Pendidikan Malaysia peringkat kebangsaan pada Oktober nanti.

Naib johan disandang Kumpulan The Green Synergy SMK Labuan dengan tajuk pembentangan 'Borang Sibers 1.0 (Sijil Berhenti Sekolah)'.

Manakala tempat ketiga diraih Kumpulan Rainbow SK Pantai yang membentangkan 'Rainbow Meramorphosis'.

Kumpulan 10 Star RG dari SK Pekan Satu dan SMK Pantai IBWS menerima hadiah saguhati selepas masing-masing membentangkan 'Menangani disiplin Pelajar pada Waktu Rehat' dan 'Masalah Pengurusan Masa Mesyuarat'.

Sebanyak lima kumpulan menyertai KIK pada tahun ini. Pertandingan itu diadili tiga orang juri iaitu Penolong Penguasa Bomba Labuan Pain Muzal selaku ketua juri, Pegawai Perbadanan Labuan Edzrina Tamin dan Pegawai Pendidikan (SISC+) Suriani Alland Rice Oxley.

Majlis penutupan dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh Pengarah Pendidikan Labuan Encik Raisin Saidin di Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN) Labuan, Jalan Sungai Lada pada Sabtu.

Turut hadir, Ketua Sektor Jaminan Kualiti Khaziyati Osman, ketua-ketua sektor, pengetua dan guru besar.



En Raisin Saidin bersama para peserta KIK 2017

**Majlis
Kecemerlangan
(MAKA) Tahun 2016**

**Anugerah
Akademik**



Labuan – Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik (MAKA) Tahun 2016 telah berlangsung dengan penuh ceria pada 08 Julai 2017 (Sabtu) bertempat di Auditorium Labuan International School (LIS).

Majlis yang disempurnakan oleh YB Ahli Parlimen P166 W.P. Labuan, Datuk Rozman bin Datuk Haji Isli ini dihadiri oleh Pengarah Pendidikan, En. Raisin bin Saidin, tetamu jemputan, ketua-ketua sektor, para pengetua, guru besar, pegawai Jabatan Pendidikan WP Labuan, dan pelajar yang menerima anugerah pada majlis tersebut.

Ucapan perasmian yang disempurnakan oleh Datuk Rozman bin Datuk Haji Isli, beliau berkata “Kejayaan yang para pelajar kecapai pada hari ini adalah hasil kesabaran, ketekunan dan kegigihan mereka tanpa mengenal rasa jemu. Oleh itu, anak-anak sekalian haruslah terus menjadikan kecemerlangan ini sebagai penggerak kepada kejayaan yang lebih besar kerana banyak lagi halangan dan cabaran yang harus ditempuhi dalam perjalanan yang masih jauh dan luas. Kita harus sentiasa ingat bahawa cemerlang ini bermaksud, anak-anak dapat mengamalkan segala ilmu pengetahuan dan kemahiran atau *soft skill* dalam kehidupan seharian. Natijah daripada kecemerlangan ialah keelokan

atau keindahan yang tercerna dalam akal budi dan perilaku serta mewarnai watak keperibadian masing-masing . Kesemuanya menggambarkan kesempurnaan peribadi sepertimana yang diharapkan oleh negara kita, iaitu memiliki modal insan yang terbaik untuk kemajuan negara.



Saya amat berharap anak-anak cemerlang ini khususnya lepasan SPM dan STPM akan dapat menempatkan diri di institusi pengajian tinggi sama ada dalam atau luar negara. Anda adalah survival bangsa Malaysia dalam menghadapi arus globalisasi. Saya selaku wakil rakyat di sini sentiasa memberikan sokongan kepada Jabatan Pendidikan Labuan dalam apa jua program sama ada program kurikulum atau kokurikulum demi melihat keberhasilan anak-anak di pulau ini berjaya di dunia dan akhirat. Yayasan Pembangunan Labuan juga turut sama memberikan sumbangan demi melihat kemenjadian anak-anak di pulau ini dalam pencapaian akademik mereka. Peningkatan ekonomi di pulau ini terletak dalam tangan generasi muda yang inovatif dan berdaya saing. Hakikatnya, kita sedang menghadapi pelbagai cabaran baru yang menuntut supaya

kita sentiasa meneroka ilmu terkini supaya kita tidak ketinggalan dalam dunia hari ini”.

Kem Ihya Ramadhan Sekolah Rendah dan Menengah



Labuan – Kem Ihya Ramadhan Sekolah Rendah dan Menengah telah diadakan pada 15-16 Jun 2017 yang bertempat di dewan terbuka Pusat Ko Kurikulum, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan.

Kem ini dianjurkan oleh Pusat Ko Kurikulum dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Labuan (JAWI), Pusat Pungutan Zakat Labuan (PPZ), dan Jabatan Penerangan Labuan. Seramai 40 orang peserta terlibat dalam kem tersebut. Antara Pengisian yang telah dijalankan dalam kem tersebut adalah ceramah daripada JAWI dan PPZ, Tadarus Al-Quran dan Qiamulail



Majlis khatam Al-Quran telah dipimpin oleh Imam Muda Nazrul iaitu naib juara program Imam Muda Musim kedua. Majlis perasmian penutupan telah disempurnakan oleh Encik Hasbollah bin Amit Ketua Sektor, Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan.

